



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 24 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


24/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	[VIDEO] KES BUNUH ZAYN RAYYAN: PDRM MINTA BANTUAN INTERPOL	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/kes-bunuh-zayn-rayyan-pdrm-minta-bantuan-intepol/	BULETINTV3.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/477741	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	https://bernama.com/en/news.php?id=2256805	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	STOK BEKALAN DITAMBAH HADAPI BANJIR GELOMBANG KETIGA	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/stok-bekalan-ditambah-hadapi-banjir-gelombang-ketiga/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	PEJABAT DAERAH PANTU ADAKAN MESYUARAT BASMI KEMISKINAN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/23/pejabat-daerah-pantu-adakan-mesyuarat-basmi-kemiskinan	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SATU SUNGAI DI KELANTAN LEPASI PARAS BAHAYA, TIGA LAGI PARAS BERJAGA-JAGA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1192189/satu-sungai-di-kelantan-lepasi-paras-bahaya-tiga-lagi-paras-berjaga	BHARIAN.COM.MY



[VIDEO] Kes bunuh Zayn Rayyan: PDRM minta bantuan Interpol

© 23 Disember 2023, 5:09pm



GOMBAK: Kes bunuh kanak-kanak autisme Zayn Rayyan Abdul Matiin, polis akan meminta bantuan Interpol bagi menekaai maklumat dan bahan bukti.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata walaupun ianya tidak konklusif, pihak Interpol mempunyai beberapa maklumat yang boleh disemak dalam pangkalan data mereka bagi membantu siasatan.



"Kita telah buat yang terbaik sehingga sekarang ini, kita telah buat semakan rumah ke rumah, kita telah semak CCTV dan kamera papan pemuka (dashcam).

"Kita dah menyuruh orang awam kongsi maklumat, kita pun dah semak aktiviti harian mangsa ini, jadi kita telah sisat dari berbagai sudut dan kita masih teruskan perkara ini cuma kita belum sampai masanya lagi," katanya pada satu sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak hari ini.

Katanya, setakat ini pihak polis telah membuat carian rumah ke rumah dan merakam percakapan 225 individu untuk membantu siasatan kes berkenaan.

Tambahnya, 246 daripada 248 sampel DNA yang telah dianalisa juga tidak menunjukkan sebarang petanda positif.


Beliau berkata keadaan kes ini menyukarkan pihak polis mengetahui tempat kejadian jenayah utama dan ianya menjadi cabaran kepada pihak polis.

Justeru orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kes yang disiasat diminta tampil memberikan kerjasama.

Tegasnya, pihak polis akan berusaha bersungguh-sungguh sehinggalah tertangkapnya penjenayah yang telah membunuh Zayn Rayyan.

Pada 6 Disember lalu, mayat Zayn Rayyan 6 tahun ditemukan dalam sebuah takungan air yang terletak kira-kira 200 meter berhampiran rumahnya di Apartment Idaman, Damansara Damai.

Hasil bedah siasat menemukan kesan kecederaan pada leher dan tubuh mangsa, menyebabkan kes diklasifikasi sebagai bunuh.



Stok bekalan ditambah hadapi banjir gelombang ketiga



AZMAN Ismail (kanan) melihat daging sejuk beku di bawah barangan kawalan sempena SHMMP Krismas 2023 di sebuah pasaraya di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan hari ini. - UTUSAN/ ROSLIZA MOHAMED.

Dien MUHAMMAD YATIMIN ABDULLAH 23 Disember 2023, 2:31 pm

KOTA BHARU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan akan menambah sebanyak 30 peratus stok bekalan makanan sebagai persediaan untuk menghadapi banjir gelombang ketiga.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, penambahan stok yang diperolehi daripada seramai 143 pemborong termasuk peruncit itu sudah bermula ketika ini dan ia berterusan sehingga Mac tahun depan.

Katanya, ketetapan itu dibuat bagi memastikan stok bekalan sentiasa mencukupi sekali gus memudahkan pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan.

"Penambahan stok itu akan disediakan oleh pemborong dan peruncit.

"Alhamdulillah, bekalan makanan seperti beras, gula, biskut, ayam, telur dan beberapa barangan kawalan lain di negeri ini cukup bagi keperluan pengguna," katanya kepada pemberita selepas mengadakan walkabout sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2023 di sebuah pasaraya di Kubang Kerian, hari ini.

Azman memberitahu, tambahan bekalan makanan semasa gelombang pertama dan kedua banjir baru-baru ini sudah mencukupi.

Katanya, selain itu, bekalan makanan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri kepada mangsa banjir yang tinggal di pusat pemindahan sementara (PPS) juga cukup.


"Kita juga tidak menerima sebarang aduan sepanjang musim banjir mengenai tindakan badan bukan kerajaan (NGO) yang membeli barangan keperluan asas secara berlebihan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azman berkata, pihaknya juga belum menerima sebarang laporan mengenai kegiatan penyeludupan barangan subsidi sepanjang musim banjir.

Menurutnya, KPDN sentiasa bekerjasama dengan semua pihak terutamanya agensi penguat kuasa dan keselamatan bagi mengekang kegiatan penyeludupan.

"Kita tidak nafikan limpahan air Sungai Golok tetap akan mendorong kepada kegiatan penyeludupan di kawasan tersebut.

"Bagaimanapun, tiada aduan diterima mengenai kegiatan penyeludupan setakat ini. Semua pihak sentiasa bersedia sedia supaya sempadan negara tidak mudah dibolosi oleh penyeludup," katanya. -UTUSAN



Pejabat Daerah Pantu adakan mesyuarat basmi kemiskinan

© 2023-12-23T14:36:18+08:00



Langgong ketika mempengerusikan mesyuarat di Pantu, Sri Aman pada Jumaat.


SRI AMAN: Pejabat Daerah Pantu mengadakan Mesyuarat Fokus Group Pembasmian Kemiskinan Daerah Pantu di sini pada Jumaat.

Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu ialah perancangan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi golongan sasaran terdiri warga emas, orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal dan berpendapatan rendah.

Turut dibincangkan pemakluman dan perakuan senarai permohonan e-kasih, bina baharu serta baik pulih rumah.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Pantu Langgong Wasam.

Hadir sama wakil-wakil agensi Jabatan Kerja Raya (JKR) Sri Aman, Jabatan Pertanian Sri Aman, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) serta ketua-ketua masyarakat sekitar Pantu.



Satu sungai di Kelantan lepassi paras bahaya, tiga lagi paras berjaga-jaga

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim - Disember 23, 2023 @ 9:05pm
nfazlina@nstp.com.my



Hujan yang melanda Kelantan sejak awal pagi tadi menyebabkan beberapa sungai melepasi paras bahaya dan berjaga-jaga. -Foto fail


KOTA BHARU: Hujan yang melanda Kelantan sejak awal pagi tadi menyaksikan Sungai Kelantan di Kuala Besar, di sini, melepasi paras bahaya dengan bacaan 2.62 meter.

Berdasarkan laman web publicinfobanjir.water.gov.my, Sungai Aring di Gua Musang pula melepasi tahap amaran dengan bacaan 70.07 m.

Dalam pada itu, tiga lagi sungai melepasi tahap berjaga-jaga iaitu Sungai Golok di Rantau Panjang (7.70m), Sungai Golok di Kuala Jambu (2.22m) dan Sungai Semerak di Pasir Puteh (2.03m).

Sementara itu, berdasarkan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mangsa banjir di Kelantan bertambah kepada 670 mangsa membabitkan 185 keluarga sehingga malam ini.

Kesemua mangsa berkenaan ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara (PPS) iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Periok dan SK Gual To'Deh.



TAJUK : **BABY GIVEN METH: MOTHER CHARGED**

HARI : **AHAD**

AKHBAR : **NEW SUNDAY TIMES**

TARIKH : **24 DIS 2023**

M/SURAT : **12**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

SEIZURE, CONVULSIONS

BABY GIVEN METH: MOTHER CHARGED

Woman, partner were arrested after son was taken to hospital

JASSMINE SHADIQE
ISKANDAR PUTERI
jashadiqe@nst.com.my

A 31-YEAR-OLD mother and her boyfriend were charged on Thursday after allegedly giving methamphetamine to her 16-month-old son to induce sleep.

The woman was picked up at Sultanah Aminah Hospital (HSA) on Dec 12 when she brought the boy to the hospital after he experienced a seizure and convulsions.

The arrest was made after the attending doctor found the boy to be meth-positive.

The boyfriend, 34, was arrested on the same day.

District police chief Assistant Commissioner Rahmat Ariffin said following the doctor's report, police arrested the boy's biological mother at HSA and her boyfriend in Jalan Salleh. Both of them tested positive for methamphetamine.

The son is recuperating at HSA and is under observation.

Rahmat said the mother's family members were keeping an eye on his recovery.

The couple were charged on Thursday under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001.

Under this section, it is an offence for anyone responsible for the care of a child to "abandon, neglect or expose the said child to danger so as to cause him/her physical or emotional injury".

The case is set for hearing at the Johor Baru Sessions Court in January.


They were offered bail at RM6,000 each, but failed to produce the amount.

The woman is held at Kluang Prison, while the man is behind bars at the Ledang Correctional Centre.

After the Dec 12 arrests, police raided a flat in Pulau Utama, Kangkar Pulai, where the boy lived with his mother.

The man allegedly told police that the boy was administered drugs to help him sleep, but he was not aware of the consequences.

Young children who are administered drugs may face developmental delays and problems with motor and learning skills. They may also lose their hearing and eyesight, potentially leading to death.



TAJUK : INTERPOL NEEDED IN ZAYN RAYYAN CASE

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 24 DIS 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

OVERCOMING HITCH IN PROBE

INTERPOL NEEDED IN ZAYN RAYYAN CASE

Selangor police chief: Some evidence to be cross-checked with Interpol database

KALBANA PERIMBANAYAGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

POLICE have sought help from the International Criminal Police Organisation (Interpol) in the murder of Zayn Rayyan Abdul Matin.

Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan said it had sent certain items of evidence to be cross-checked with the Interpol database.

He said evidence from Zayn's body had been sent to the In-

terpol for further detailing and investigation.

"There are some elements which only the Interpol has the expertise for and that is why we have sought their help.

"We have some information to check against Interpol's database, and although they are not conclusive, it might help with the investigation," he said at a press conference at Gombak police headquarters here yesterday.

He said there continued to be a daily police presence in Apartment Idaman, Damansara Damai, Petaling Jaya, where Za-

yn's family lives and where his body was found.

He said police were facing challenges as they had minimal leads to work on.

"The police took 225 statements from residents, parents and neighbours.

"Even after going through the details many times, we are still unable to find a proper lead in this murder investigation.

"We also gathered 248 deoxyribonucleic acid (DNA) samples, but 246 of those tests found no matches. Other test results are underway.

where his closed-circuit television recordings we enhanced



Datuk Hussein Omar Khan

have been repeatedly reviewed for any possible clue, but that, too, is of less use.

"The biggest challenge investigators face in solving the case is that we have yet to find the primary crime scene," he said, reassuring the public that police were still on the case.

The autistic boy was reported missing from his Block R Apartment Idaman on Dec 5, after his mother fetched him from school at 12.30pm.

His body was found a day later in a river located about 200m from his home.

Police classified the case as murder when preliminary findings of a post-mortem indicated ligature marks on the autistic boy's neck and body.

On another issue, Hussein said a 29-year-old man, who was reported missing since Dec 12 from an apartment located 600m from the block where Zayn's family lives, was unrelated to the murder.

"Both are separate cases and unrelated to each other."

The Internet has been abuzz with videos of a man who went missing from his sister's house in Apartment Harmoni, Damansara Damai, with some claiming it might be linked to Zayn's case.



TAJUK :	ELDERLY IN REMOTE VILLAGE GET ORTHOPAEDIC CARE		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	SUNDAY STAR
TARIKH :	24 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Elderly in remote village get orthopaedic care

KUCHING: More than 50 elderly patients from the Kelabit and Penan communities in a remote village in the Sarawak highlands received specialised orthopaedic care during a one-day camp by Yayasan Kesenian Orang Asli (YKOA).

The camp on Dec 9 came following another event held by the foundation in October, which saw 31 children from the indigenous community receive vital paediatric treatment.

The camp, organised under the Health Beyond Boundaries Medical Outreach Programme, was held in a remote village in the mountains of Bario, accessible only by a 12-hour drive from Miri or a Twin Otter aircraft.

According to a statement by YKOA, the event was conducted by orthopaedic specialists Dr Thiru Kumaran and Dr Peter Choo, who diligently reviewed and treated the elderly patients.

The on-the-spot treatment addressed tendinitis, strains, sprains and muscle stiffness, thus achieving the event's objectives and alleviating fears about getting to the hospital.

Upon post-event discussions with Dr Thiru, who is also Hospital Miri head of orthopaedic service, more than 25 patients with orthopaedic conditions were counselled and given a referral pathway, the statement said.

YKOA chairman Dr Andre Ratos emphasised the significance of preventive screening to enhance the quality of life for the elderly.

Citing challenges like poor access to specialists, the burden of travel costs and reluctance to seek



Relieving their pain: Dr Thiru (right) and Dr Peter attending to a patient during the screening session at Bario, Sarawak.

healthcare, Dr Andre outlined the event's purpose as building rapport, treating, educating and encouraging indigenous individuals to seek follow-up or surgical care at district hospitals.

Dr Andre thanked the sponsors like BCM Alliance, the Australian High Commission and others for


funding the event.

The statement added that event organising chairman Datin Pearl Masna also presented physiotherapy equipment units, given by Innerwheel KLCC, to families with elderly members and demonstrated their use.

YKOA was founded by Datuk

Antony Ratos in 2002 to elevate indigenous livelihood and preserve their culture.

The Health Beyond Boundaries Medical Outreach Programme is a series of medical camps that aims to impact indigenous health nationwide, targeting remote villages facing lack of access.



TAJUK : INTERPOL HELP SOUGHT IN ZAYN RAYYAN MURDER PROBE

HARI : AHAD

AKHBAR : SUNDAY STAR

TARIKH : 24 DIS 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Interpol help sought in Zayn Rayyan murder probe

GOMBAK: Police will tap into Interpol's resources to assist in the probe into the murder of Zayn Rayyan Abdul Matin.

Comm Datuk Hussein Omar Khan said police had also sought Interpol's help to run a check on its database on the evidence gathered during the investigations.

He said the investigations were complicated as the police had

only discovered the "secondary crime scene".

"As previously announced, the scene where we found (the body) is the secondary crime scene and generally it is harder to find physical evidence there that could lead to the suspect.

"This is not a straightforward case but regardless we have done a house-to-house search and to date we have recorded 225 state-

ments from various people.

"Of the 248 DNA samples, 246 have been analysed and all other samples that have been sent to the laboratory have not led to positive results that could assist in the investigations at this time," he said.

He added that through their checks, 12 people were arrested for various crimes, including for drug offences.

Comm Hussein also denied any link between the Zayn Rayyan case and the missing persons case of 29-year-old Muhammad Saharuddin Mat who had been missing since Dec 12.

"No connection. That is a missing persons case and it was his parents who had reported him missing," he said.

Muhammad Saharuddin was last seen leaving his residence at

Apartment Harmoni, situated near Apartment Idaman where Zayn Rayyan lived.

Zayn Rayyan, an autistic six-year-old boy, was reported missing on Dec 5 in Damansara Damai.

His body was found in a stream about 200m from his home the next day.

Police confirmed that a murder investigation was opened following a post-mortem on the body.



TAJUK : **MINISTRY TO FOCUS ON CHILDREN'S WELLBEING, AGEING IN 2024**

HARI : **AHAD**

AKHBAR : **THE SUNDAY POST**

TARIKH : **24 DIS 2023**

M/SURAT : **05**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Ministry to focus on children's wellbeing, ageing in 2024

By **Sam Chua**
reporters@theborneopost.com

KUCHING: The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Ministry will be implementing various social support and intervention referral activities to enhance overall community wellbeing, throughout next year.

Minister Dato Sri Fatimah Abdullah says among her ministry's focus areas for 2024 are on children's wellbeing including their social protection, and preparations for the ageing population status in Sarawak.

Moreover, the ministry would also announce the additional benefits for Kenyalang Gold Card holders next year, as well as construction of community social support centres in Sibu and Lawas.

"On top of that, a special-needs community centre will also be built in Kota Samarahan, and for Miri, we will set up a one-stop early intervention centre there," she said in a statement yesterday.

"The ministry aims to promote systematic participation of young people in decision-making, while looking forward to implementing more child-friendly initiatives, better social protection and safety nets, multidimensional alleviation of poverty, greater




Fatimah says her ministry aims to promote systematic participation of young people in decision-making, while looking forward to implementing more child-friendly initiatives. — Bernama photo

connectivity and enhancing citizens' social wellbeing," she added.

Fatimah pointed out that amidst recent global challenges, she was optimistic that Sarawak would continue to enjoy social harmony through 'the spirit of greater unity in diversity, in years to come'.

"The state will continue to experience another year of economic prosperity, social inclusivity and environmental sustainability with the surplus state budget of RM12.4 billion for next year, and another RM5.8 billion in development fund allocated by the federal government," she said.

"Therefore, I wish all Sarawakians a shared sense of common purpose to respect the rights of children, women, older individuals and people with disabilities; to having a clean, healthy and sustainable environment and also inclusive early childhood education," she added.



TAJUK : OVER 50 OLD FOLKS IN BARIO BENEFIT FROM YKOA OUTREACH

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 24 DIS 2023

M/SURAT : 02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Over 50 old folks in Bario benefit from YKOA outreach

BARIO: In a landmark event, over 50 senior Kelabit and Penan elderly patients received specialised orthopaedic care, marking a significant step towards their enhanced well-being.

The full-day orthopaedic camp recently, spearheaded by Yayasan Kesenian Orang Asli (YKOA), came after the success of the foundation's paediatric camp in October, where 31 children from the indigenous community received vital paediatric treatment.

YKOA, in a statement, said the camp, held under the 'Health Beyond Boundaries Medical Outreach Programme', was held in a remote village in the Bario Highlands, accessible only by a 12-hour drive from Miri or a Twin Otter aircraft.

Orthopaedic specialists Dr

Thiru Kumaran and Dr Peter Choo diligently reviewed and treated the elderly patients.

The on-the-spot treatment addressed tendinitis, strains, sprains and muscle stiffness, thus achieving the event's objectives and alleviating the fears among the elderly folks about getting to the hospital as highlighted by Dr Chan, the medical officer in charge of Bario District.

Also, upon post-event discussion with Dr Thiru, also Miri Hospital's head of orthopaedic service, more than 25 patients with orthopaedic conditions were counselled and given a referral pathway, the statement said.

YKOA chairman Dr Andre Ratos expressed satisfaction with the outcome, emphasising the significance of preventive

screening to enhance the quality of life for the elderly.

Citing challenges like poor access to specialists, the burden of travel costs and reluctance to seek healthcare, Dr Andre outlined the event's purpose as being to build rapport, treat, educate and encourage indigenous individuals to seek follow-up or surgical care at district hospitals.

Dr Andre also thanked the sponsors, including BCM Alliance, the Australian High Commission and others who supported the event.

Event organising chairman Datin Pearl Masna presented physiotherapy equipment units, given by Innerwheel KLCC, to families with elderly members and demonstrated their use during the event.

Bario village headman Caleena

Sakai conveyed thanks on behalf of the Kelabit community and helped translate messages into the Kelabit language for the older attendees.

The YKOA was founded by Datuk Antony Ratos in 2002 to elevate indigenous livelihood and preserve their culture.


It also aims to make a meaningful and lasting impact on the indigenous communities.

The 'Health Beyond Boundaries Medical Outreach Programme' is a series of medical camps that aims to impact indigenous health nationwide, targeting remote villages that face challenges in accessing healthcare by supporting the delivery of outreach health activities and building a framework to curb health issues within each village.

— Bernama



More than 25 patients with orthopaedic conditions are counselled and given a referral pathway, under the programme. — Photo from YKOA



TAJUK : TWENTY-FOUR NEEDY FAMILIES IN MIRI RECEIVE FOOD AID, ANGPOWS

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 24 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Volunteers deliver food baskets to the recipients.

Twenty-four needy families in Miri receive food aid, angpows

MIRI: The Persatuan Kebajikan Prihatin Miri and Lions Club of Miri Mandarin have jointly reached out to 24 families in need here, by presenting them with food baskets and 'angpows' (cash packets).

It is informed that the recipients comprise those facing financial difficulties, having no fixed income, under welfare assistance, single mothers, as well as those with bedridden family members.

"These recipients also have old folks in the families who are in dire need of assistance," said

Persatuan Kebajikan Prihatin Miri in a statement.

The association added that the food baskets were contributed by Lions Club of Miri Mandarin.

"The additional gifts and 'angpows' came from us.

"We would be working closely with the Lions Club of Miri Mandarin on a bigger scale for their 'Prihatin Journey' programme next year.

"As such, we will be assisting needy families in their welfare applications, and also in the arrangement of seeking out building materials for families

whose houses are dilapidated or in very bad condition.

"We will also be collaborating with the city council and the community committee for security and development (JKKK) to conduct a 'gotong-royong' (work party) to clean up the homes of the underprivileged families," it said.

Interested parties wishing to collaborate and contribute towards this charitable cause can contact Persatuan Kebajikan Prihatin Miri outreach programme coordinator, Fitriana Raji, on 014-585 2223.



TAJUK :	KEMENTERIAN TERUS PERKASA PERANAN PADA 2024: FATIMAH		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	24 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Kementerian terus perkasa peranan pada 2024: Fatimah

Pelbagai sokongan sosial dan intervensi, perkhidmatan dan kemudahan akan dilaksana demi kesejahteraan masyarakat

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti bera-
zam terus memperkasakan peranan mereka dengan pelbagai pelaksanaan pada 2024.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, kementerian akan melaksanakan pelbagai sokongan sosial dan penyelidikan rujukan intervensi, perkhidmatan dan kemudahan.

Ia katanya, untuk menyokong keterangkuman

sosial yang berterusan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

"Antara (pelbagai program dilaksanakan) penyelidikan mengenai kesejahteraan kanak-kanak, perlindungan sosial kanak-kanak dan persediaan untuk menua di Sarawak.

"Selain itu, pembinaan Pusat Sokongan Sosial Komuniti Sibul dan Lawas, pembinaan Pusat Komuniti Berkeperluan Khas di Samarahan, menubuhkan Pusat Intervensi Awal Sehenti di Miri dan faedah tambahan untuk pemegang Kenyalang



FATIMAH

Gold Card (KGC)," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baharu 2024 di sini,

“Antara (pelbagai program dilaksanakan) penyelidikan mengenai kesejahteraan kanak-kanak, perlindungan sosial kanak-kanak dan persediaan untuk menua di Sarawak.”

Dato Sri Fatimah Abdullah

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

semalam.

Fatimah berkata, walaupun menghadapi cabaran global terhadap solidariti dan perpaduan pada 2023, Sarawak akan terus menikmati keharmonian sosial.

Jelasnya, ia melalui perpaduan yang lebih besar dalam kepelbagaian, keterangkuman dan aktiviti perpaduan antara generasi untuk mengekalkan kesejahteraan masyarakat pada 2024.

Fatimah berkata, Sarawak mengakhiri 2023 dengan pencapaian cemerlang yang menyokong aspirasi untuk kejayaan yang lebih besar dan luar biasa untuk tahun baharu.

"Belanjawan sebanyak RM12.4 bilion telah diluluskan oleh kerajaan Sarawak, di samping bajet pembangunan kerajaan persekutuan sebanyak RM5.8 bilion.


"Pada 2024, rakyat Sarawak bersedia untuk mengalami satu lagi tahun kemakmuran ekonomi yang teguh, keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar,"

katanya.

Beliau berkata, aspirasinya untuk rakyat Sarawak pada tahun hadapan adalah untuk terus memenuhi keperluan generasi akan datang.

Selain itu katanya, penyer-taan sistematik oleh golongan muda dalam membuat keputusan, lebih banyak inisiatif mesra kanak-kanak, perlindungan sosial dan jaringan keselamatan yang lebih baik.

"Ia juga termasuk pembasmian pelbagai dimensi kemiskinan, ketersambungan yang lebih besar dan meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat," katanya.



TAJUK : LEBIH 50 WARGA EMAS KELABIT, PENAN TERIMA MANFAAT PROGRAM JANGKAUAN ORTOPEDIK

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 24 DIS 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Lebih 50 warga emas Kelabit, Penan terima manfaat program jangkauan ortopedik

TANAH TINGGI BARIO: Lebih daripada 50 warga emas Kelabit dan Penan telah menerima rawatan ortopedik khusus dalam program jangkauan yang unik, satu langkah penting ke arah meningkatkan kesejahteraan mereka.

Yayasan Kesenian Orang Asli (YKOA) telah mengendalikan kem ortopedik sehari pada 9 Disember setelah kejayaan kem pediatriknya pada Oktober lepas dengan 31 kanak-kanak daripada komuniti peribumi menerima rawatan pediatrik.

YKOA dalam satu kenyataan memaklumkan kem kesihatan yang dianjurkan menerusi Program Jangkauan Kesihatan Melampau Sempadan telah berlangsung di kampung terpencil di kawasan pergunungan Bario, yang hanya boleh diakses dengan perjalanan 12 jam dari Miri atau dengan pesawat Twin Otter.

Pakar ortopedik Dr Thiru Kumaran dan Dr Peter Choo telah mengkaji dan merawat pesakit warga emas dengan teliti.

Rawatan bagi tendinitis, ketegangan otot, seliuh dan kekakuan telah mencapai objektif program berkenaan dan mengurangkan rasa takut dalam kalangan warga emas

untuk ke hospital, seperti yang ditekankan oleh Dr Chan, Pegawai Perubatan yang bertanggungjawab di daerah Bario.

Selain itu, selepas perbincangan pascaprogram dengan Dr Thiru Kumaran, yang juga Ketua Perkhidmatan Ortopedik Hospital Miri, lebih daripada 25 pesakit dengan masalah ortopedik telah mendapat nasihat serta rujukan untuk rawatan seterusnya, menurut kenyataan itu.

Pengerusi YKOA Dr Andre Ratos dalam menyuarakan kepuasannya terhadap hasil program itu, menekankan kepentingan saringan pencegahan untuk meningkatkan kualiti hidup warga tua.

Mengenai cabaran seperti akses yang terhad kepada pakar, beban kos perjalanan dan keengganan untuk mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan, Dr Andre menggariskan tujuan program adalah untuk membina hubungan, merawat, mendidik serta menggalakkan individu peribumi untuk mendapatkan penjagaan susulan atau pembedahan di hospital daerah.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada penaja termasuk BCM Alliance dan


Suruhanjaya Tinggi Australia kerana membiayai program itu.

Menurut YKOA, pengurus program itu Datin Pearl Masna menyampaikan sumbangan peralatan fisioterapi oleh Innerwheel KLCC kepada warga emas terlibat, manakala Penghulu Kampung Bario Caleena Sakai berterima kasih bagi pihak komuniti Kelabit serta membantu dalam menterjemahkan mesej ke dalam bahasa Kelabit untuk warga emas.

Ditubuhkan pada 2002, YKOA telah diilhamkan oleh Datuk Antony Ratos untuk meningkatkan kehidupan peribumi dan pemeliharaan budaya mereka.

YKOA bertujuan untuk memberikan impak yang bermakna dan berkekalan bagi komuniti peribumi.

Program Jangkauan Kesihatan Melampau Sempadan adalah siri kem perubatan yang bertujuan memberi impak kepada kesihatan peribumi di seluruh Malaysia, menyasarkan kampung-kampung terpencil yang menghadapi cabaran dalam mengakses penjagaan kesihatan dengan membantu dalam penyampaian aktiviti penjagaan kesihatan. — Bernama



TAJUK :	MAYAT BAYI DITINGGALKAN BERSAMA NOTA DALAM TONG SANITASI		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	24 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Mayat bayi ditinggalkan bersama nota dalam tong sanitasi

KOTA KINABALU: Satu nota bersama mayat bayi ditemukan dalam tong sanitasi di sebuah pusat beli-belah di sini, semalam.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Superintendan Kalsom Idris berkata, polis menerima laporan berhubung penemuan mayat bayi itu pada jam 9.40 malam.

“Hasil siasatan mendapati satu mayat bayi perempuan cukup sifat ditemui dalam keadaan dibaluti dengan kain tuala.

“Turut ditemui bersama mayat bayi terbabit cebisan kertas yang tertulis nota ‘saya meminta maaf dan meminta tolong mencari tempat sesuai untuk anak saya.

“Kandungan nota itu tertulis ‘jangan kecam saya. Saya pun tidak mahu ini terjadi,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Kalsom berkata, polis sedang menjalankan siasatan ke atas rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan kejadian.

“Polis juga membuat risikan maklumat bagi mengenal pasti suspek yang terbabit.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kes ini diminta berhubung dengan pegawai penyiasat Inspektor Hatikah Ahmad @ Abd Ghani di talian 0168337243.